

Dr. Mahathir dijangka rasmi konvensyen

IPOH, Rabu — Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, dijangka merasmikan Konvensyen UMNO Negeri Perak tiga hari 9 Mei ini.

Menurut Setiausaha UMNO Perhubungan Perak, Haji Khalid Nasir, konvensyen itu akan memberi peluang kepada ahli-ahli UMNO membincangkan masalah-masalah dalam negeri.

Lebih 400 ahli UNMO dari 21 bahagian serta wakil-wakil dewan perniagaan dan persatuan akan turut serta dalam konvensyen tersebut.

Haji Khalid berkata 10 kertas kerja juga akan dibentangkan mengenai kehutanan, galian, perumahan dan perk-

ampungan, perniagaan dan perindustrian, perlombongan, tanah, pertanian dan perikanan, agama serta pentadbiran am.

Sebuah lagi kertas kerja mengenai pertimbangan dasar ke arah mencapai matlamat penyertaan Bumiputera yang lebih dalam ekonomi.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia